

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : USUL-USUL

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019

USUL NO. 26

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat—syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan-pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini."

[MENTERI PENGANGKUTAN]

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu mengenai gangguan sistem rangkaian di KLIA yang bermula pada 21 Ogos 2019 lalu telah berjaya distabilkan pada 24 Ogos dan ianya masih dipantau oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan juga telah mengarahkan MAHB untuk mempertingkatkan keselamatan sistem rangkaian di KLIA dan juga mengarahkan pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk menyelaras dan memantau usaha bagi mempertingkatkan keselamatan sistem tersebut.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan terhadap sistem rangkaian di KLIA ini termasuklah dakwaan terdapatnya unsur khianat atau sabotaj adalah masih dalam proses siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Satu Jawatankuasa Peringkat Kementerian Pengangkutan yang dianggotai oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), CAAM dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) seperti yang telah diumumkan pada 26 Ogos 2019 yang lalu juga sedang memuktamadkan laporannya.

3. Selain menyiasat punca sebenar permasalahan yang berlaku, PDRM dan Jawatankuasa Peringkat Kementerian juga akan mengenalpasti implikasi serta kesan terhadap perkhidmatan di lapangan terbang merangkumi Total Airports Management System (TAMS) serta beberapa sistem yang berkaitan serta mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengelakkan insiden yang sama untuk berulang pada masa hadapan.

4. Pihak MAHB telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam proses siasatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Peringkat Kementerian Pengangkutan ini. Laporan penuh mengenai perkara ini sedang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa ini dan ianya dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 18 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.